

11 FEB 1999

Mahkamah-Anwar (Lawan)

ANWAR DAKWA BELIAU TIADA PILIHAN SELAIN MELAWAN

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa bahawa beliau tiada pilihan lain kecuali melawan selepas beliau diberi kata dua oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada untuk meletak jawatan atau dipecat dan menghadapi tuduhan-tuduhan jenayah yang terdiri daripada salah laku seks sehinggalah kepada menjadi pengkhianat.

"Saya katakan yang saya selama ini amat setia terhadapnya. Saya telah bekerja begitu tekun dan setia untuk parti dan kerajaan. Untuk terus dengan ugutan-ugutan dan pemalsuan ini, saya tiada pilihan lain kecuali melawan kerana beliau memberikan saya kata dua seperti yang saya tegaskan semalam," Anwar memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini.

Anwar, 51, berkata demikian semasa beliau menceritakan kata-katanya sebelum meninggalkan Dr Mahathir pada pemeriksaan utama peguamnya Raja Aziz Addruse di hari keempat pembelaannya terhadap empat tuduhan rasuah.

Semalam Raja Aziz memberitahu mahkamah bahawa pembelaan telah selesai menyoal Anwar dan anak guamnya telah bersedia untuk disoal pendakwaan yang diketuai Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

Bagaimanapun pada permulaan sesi hari ini, Raja Aziz memberitahu mahkamah bahawa selepas mahkamah ditangguhkan semalam, beliau menyedari terdapat tiga lagi perkara yang beliau mahu tanyakan Anwar berdasarkan surat-surat rayuannya kepada Dr Mahathir.

Raja Aziz kemudian meminta Anwar membacakan beberapa bahagian tertentu dalam kedua-dua surat itu yang ditanda D76 and D77 yang dianggap pasukan pembelaan ada kaitannya untuk menunjukkan Anwar tidak bersalah.

Anwar berkata beliau membangkitkan isu konspirasi polis dalam suratnya untuk memberitahu Perdana Menteri bahawa cara polis menjalankan siasatan mereka terhadap dakwaan-dakwaan salah laku seksnya diragui dan menunjukkan niat jahat terhadap beliau.

Dalam surat itu, beliau juga merujuk percanggahan yang jelas antara apa yang dikatakan oleh bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor kepadanya dan cara penyiasatan polis selanjutnya.

"Saya terpaksa bertanya kepada PM sama ada beliau memberikan arahan khusus kepada polis untuk menganiaya dan mereka-reka tuduhan terhadap saya kerana sepanjang satu tahun penyiasatan oleh Cawangan Khas dan Jabatan Siasatan Jenayah, mereka tidak menemui sebarang bukti yang menunjukkan bersalah," beliau memberitahu mahkamah.

Anwar berkata bagaimanapun ketika itu beliau masih memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa beliau akan memberikan kerjasama yang diperlukan dan beliau ketika itu tidak mempersoalkan kewibawaan Ketua Polis Negara dan Peguam Negara.

Pada peringkat ini, Hakim Datuk S. Augustine Paul bertanyakan Anwar sama ada ia ditulis dalam surat itu, dan beliau menjawab bukan semua fakta terkandung dalam surat itu dan beliau terpaksa menjelaskan kepada mahkamah apa yang sebenarnya berlaku.

"Sebagai contoh, dalam muka surat tiga para terakhir dalam D76 merujuk kepada penyiasatan polis selepas seminggu, ia tidak mengenai isu fitnah tetapi satu cubaan mencemarkan peribadi saya. Saya kemudian menjadi orang yang disyaki polis, Ketua Polis Negara dan Peguam Negara," katanya.

Anwar berkata beliau juga membuat rujukan kepada dakwaan-dakwaan asal dalam surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" oleh Umami Hafilda Ali dan kenyataan bersumpah Azizan dan surat layang "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim" dengan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Beliau berkata dakwaan-dakwaan terhadap beliau dalam dokumen-dokumen itu tidak lagi penting kepada polis, Ketua Polis Negara, Peguam Negara dan dan Perdana Menteri tetapi kesemua mereka memperluaskan lingkaran penipuan itu kepada perkara atau bidang baru yang tidak dicartakan.

Dalam suratnya, Anwar juga menyentuh mengenai dakwaannya bahawa polis cuba memaksa bekas rakan tenisnya Datuk S.Nallakaruppan supaya bekerjasama dengan polis menentang beliau.

"Yang Arif, isu itu tidak terhad di sini. Ia menjangkau salah laku seks kepada menerima RM60 juta kepada pengkhianatan, bekerja sebagai ejen asing seperti yang kita kemudian lihat dalam affidavit SACI Musa Hassan dan affidavit AG," katanya.

Anwar berkata sebagai satu cubaan untuk merosakkan nama baiknya ia tidak dilakukan secara profesional, tidak beretika dan korup.

Semasa pendakwaan membantah terhadap kenyataan itu, Raja Aziz menegaskan bahawa itulah perasaan yang dinyatakan Anwar dalam suratnya kepada Perdana Menteri dan hakim menasihatkan pembelaan supaya tidak terlalu jauh menekankan perkara itu.

Semasa Anwar cuba beberapa kali menyatakan kepada mahkamah mengenai "perselisihan" dengan Perdana Menteri dan beliau mendakwa ia membuatkan Dr Mahathir "amat marah kepadanya", hakim memerintahkan ia tidak relevan.

Raja Aziz membantah bahawa sikap Perdana Menteri boleh menjadi asas teori konspirasi itu yang menjadi teras pembelaan mereka dan mereka cuba menunjukkan keterangan yang mengikut keadaan.

Paul berkata jika pembelaan merasakan itu yang berlaku, mereka seharusnya memfailkan notis usul supaya tuduhan-tuduhan terhadap Anwar dibatalkan atas alasan telah berlaku proses salah guna.

Apabila Raja Aziz menarik perhatian kepada konspirasi ada kaitannya dengan kewibawaan dan saksi pendakwaan boleh datang ke mahkamah dan berbohong, Paul menolak idea itu.

-- BERNAMA

SBB RON